

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 4 APRIL 2019, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 8**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1421-MQT0417  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia menerbitkan laporan Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan kebebasan maklumat demi mengelakkan fitnah dan persepsi tidak betul terutama apabila orang ramai tahu bahawa Akta Rahsia Rasmi pernah disalah guna pentadbiran dahulu untuk menyembunyikan salah laku.
  
2. PR-1421-MQT0413  
**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Lembaga Tabung Haji akan mengumumkan bayaran hibah (dividen) kepada 9.3 juta pendepositnya bagi tahun 2018. Berdasarkan rekod 5 tahun ke belakang, Lembaga Tabung Haji akan mengumumkan kadar hibahnya pada awal bulan Februari, tetapi kini telah masuk bulan April dan masih tiada lagi khabar berita tersebut sehingga menimbulkan kegelisahan dalam kalangan rakyat.
  
3. PR-1421-MQT0415  
**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah bentuk kajian yang sedang dilakukan oleh Kerajaan dalam usaha meminda Fasal 88A Akta 164 dan adakah tempoh masa yang ditetapkan bagi melaksanakan pindaan tersebut.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 4 APRIL 2019, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 16**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1421-L03579  
**Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perincian rancangan pembangunan perumahan mampu milik negara yang mensasarkan pembinaan 1 Juta Rumah Mampu Milik menjelang tahun 2028 :-
  - (a) pecahan jumlah rumah yang akan dibina mengikut Kementerian/Agensi, negeri dan swasta untuk tempoh pelaksanaan RMM 2018-2028 dan sasaran pelaksanaan RMM untuk Kedah bagi tahun 2019 ; dan
  - (b) keperluan membangunkan sebuah pangkalan Data Bersepadu Perumahan.
  
2. PR-1421-L(5)00028  
**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa Ketiga (LPT3) akan dimulakan setelah diluluskan pihak Kerajaan pada awal Mac 2019.

**[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]**

3. PR-1421-L04163  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan anak angkat bukan warganegara memperoleh kewarganegaraan daripada ibu bapa yang berwarganegara Malaysia.
4. PR-1421-L04120  
**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengembalikan semula peruntukan biasiswa MyBrain agar dapat melahirkan lebih ramai mahasiswa yang berkelulusan Master dan PhD.
5. PR-1421-L02904  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat meminda Seksyen 60(1) Akta Kebankrapan 1967 supaya mereka yang diisytiharkan bankrap sebelum pindaan Akta Kebankrapan 2017 mendapat *relief* yang sama dengan mereka yang diisytiharkan bankrap selepas pindaan Akta Kebankrapan 2017.
6. PR-1421-L03025  
**Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa jumlah muzium dan galeri sejarah yang tersenarai secara rasmi dan berapakah terdiri daripada muzium persendirian.
7. PR-1421-L03628  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kejayaan yang dicapai dan cabaran yang dihadapi oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (AP2010) khusus untuk melindungi proses persaingan dalam pasaran komersial demi kebaikan perniagaan dan pengguna serta ekonomi secara keseluruhan.
8. PR-1421-L03812  
**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha yang diambil oleh Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi terus memberi bimbingan kewangan terutamanya melibatkan pengurusan kewangan kepada golongan belia.

9. PR-1421-L03072  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan memperkenalkan subjek "*Mindfulness*" seperti yang diperkenalkan di United Kingdom untuk membantu menyelesaikan isu kesihatan mental di kalangan belia Malaysia.
10. PR-1421-L03934  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik bilangan murid kelas KAFA mengikut negeri dan apakah langkah yang diambil bagi menaik taraf kelas tersebut.
11. PR-1421-L04136  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan senarai negeri-negeri dalam rangkaian yang termaju dan terkaya di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang dirancang untuk membantu negeri-negeri yang mundur dan miskin.
12. PR-1421-L03709  
**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mekanisme yang sedang dilaksana oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang oleh pembekal dan pemborong.
13. PR-1421-L03457  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkaitan Bantuan Sara Hidup, bagaimana jika kos pendapatan isi rumah melebihi RM4000 sebulan tetapi mempunyai nilai tanggungan yang tinggi seperti mempunyai anak yang ramai atau mempunyai tanggungan yang mengidap sakit kronik. Adakah pemohon masih layak untuk memohon atau tidak. Jika layak, adakah pihak agensi sedia maklum dengan perkara ini dan adakah garis panduan telah ditetapkan.
14. PR-1421-L02945  
**Tuan Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan nyatakan status pelaksanaan projek bekalan elektrik solar hybrid di Long Bedian Apoh, Long Atip Apoh, Long Wat Apoh serta pelaksanaan sistem grid di kawasan Sg. Peking dan Kawasan Sebu bu Beluru yang diluluskan Kerajaan sebelum ini.

15. PR-1421-L03232  
**Dato' Mansor Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan senaraikan kesemua projek tebatan banjir yang sedang dan telah dilaksanakan di dalam Parlimen Nibong Tebal. Adakah perancangan jangka panjang tebatan banjir di sepanjang Sungai Jawi Parlimen Nibong Tebal yang sering dilanda banjir.
16. PR-1421-L04032  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat mengembalikan semula sistem kad siswa bagi kemudahan mahasiswa membeli buku akademik.
17. PR-1421-L03413  
**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [ Jeli ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah komponen "*contingent liability*" dalam hutang negara pada akhir 2017 dan 2018 serta jumlah liabiliti tersebut yang sudah menjadi kenyataan dan perlu dibayar pada tahun-tahun tersebut. Berapakah jangkaan liabiliti yang perlu dibayar dalam tempoh lima tahun akan datang.
18. PR-1421-L04058  
**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah usaha yang telah dilaksanakan pihak Kementerian bagi membantu golongan wanita yang kerap menjadi mangsa "*scammer*" sama ada menerusi panggilan telefon ataupun media sosial.
19. PR-1421-L03907  
**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam pembaharuan pembangunan Bumiputera bagi program perniagaan dan pendidikan, khususnya golongan berpendapatan rendah di Sabah.
20. PR-1421-L03737  
**Tuan Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kekangan yang menyebabkan kegagalan atau kelewatan pembinaan Hospital Pendang dan adakah peruntukan Hospital Pendang telah dinaikkan atau dikurangkan.

21. PR-1421-L03357  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan untuk menyemak semula kos pendaftaran masuk yang tinggi ke Sekolah Berasrama Penuh khususnya ke Sekolah Menengah Sains di seluruh negara yang membebankan rakyat berpendapatan rendah. Terdapat kos pendaftaran masuk yang melebihi RM1000 sehingga ada yang terpaksa membatalkan niat menghantar anak ke sana.
22. PR-1421-L04049  
**Datuk Aaron Ago Dagang [ Kanowit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan proses yang sedang diambil oleh Kerajaan pusat dalam rundingan / *negotiation* ke atas penurunan kuasa atau "*devolution of powers*" untuk Sarawak. Apakah hasil terkini daripada proses rundingan tersebut.
23. PR-1421-L04289  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program PLKN telah dimansuhkan, apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam membela nasib kakitangan kontrak PLKN.
24. PR-1421-L03490  
**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara jelas prosedur operasi standard siasatan terhadap individu yang disyaki positif dadah dan berapa lamakah masa diambil untuk mendapatkan pengesahan ujian patologi. Serta mengapakah ujian air kencing terhadap anak Menteri Kerajaan pada ketika ini mengambil masa yang lama.
25. PR-1421-L02993  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tarikh pelaksanaan pembinaan Hospital Kapar sepertimana yang telah diluluskan.
26. PR-1421-L03093  
**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat yang telah diberi "*Approved Permit*" (AP) bagi mengimport sisa plastik dari luar negara ke Malaysia dan adakah terdapat sebarang perancangan untuk kerajaan menghapuskan permit kelulusan ini pada masa akan datang.

27. PR-1421-L03748  
**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi memastikan para hakim dan Peguam Negara menjaga etika tingkah laku mereka supaya institusi tersebut kekal di atas prinsip keadilan, berintegriti dan tidak pilih kasih.
28. PR-1421-L03441  
**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab Kerajaan tidak mahu menjadikan semua pekerja pembersihan dan keselamatan di sekolah-sekolah awam sebagai kakitangan Kerajaan.
29. PR-1421-L03346  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah aset-aset Tabung Haji diletakkan di bawah Bank Negara diselia Kementerian Kewangan, apakah justifikasi yang menjurus kepada alasan untuk mengawal selia aset tersebut daripada sebarang salah guna atau pencerobohan hak kerana selama ini semua sedia maklum Tabung Haji telah mengamalkan tadbir urus korporat yang baik.
30. PR-1421-L02960  
**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan setakat manakah kajian telah dilakukan untuk mewujudkan projek pemindahan air dari hulu Sg.Perak ke Tasek Bukit Merah yang dikatakan akan menyelesaikan masalah pengairan sawah padi di daerah Kerian khususnya Parlimen Bagan Serai.
31. PR-1421-L03966  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap laporan dan rekomendasi penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan salah laku hakim-hakim Mahkamah Rayuan dan Persekutuan.
32. PR-1421-L03508  
**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) statistik pengangguran di Sabah terutamanya golongan belia dari tahun 2018-2019 ; dan
  - (b) apakah inisiatif Kerajaan yang wujud bagi menangani masalah pengangguran terutamanya golongan belia di Sabah.

33. PR-1421-L03278  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) penjelasan lebih terperinci status halal mengenai hibah yang diterima pendeposit Tabung Haji (TH) ; dan
  - (b) apakah langkah pengurusan yang betul telah dilaksanakan dalam memastikan pemberian hibah mengikut syarak Islam.
34. PR-1421-L04069  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan hospital Petra Jaya Sarawak dan juga KK Tabuan Jaya. Jangka masa siap, pelan terkini serta syarikat-syarikat yang terlibat dalam proses tender terbuka. Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi setiap menampung peningkatan pesakit di SGH disebabkan kelewatan Hospital Petra Jaya.
35. PR-1421-L04197  
**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam menyalurkan bantuan dan dana peruntukan kepada agensi swasta, khususnya yang tidak dinyatakan dalam Belanjawan 2019, seperti kes Kolej Universiti New Era yang terima peruntukan daripada Kementerian Kewangan baru-baru ini.
36. PR-1421-L03874  
**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi dan Kewangan).
37. PR-1421-L04089  
**Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan baru-baru ini Kerajaan Pusat telah bersetuju mengembalikan SESB kepada Kerajaan Negeri Sabah yang akan mengambil masa 2 tahun. Apakah rasionalnya dan adakah kerana SESB bermasalah.

38. PR-1421-L04139  
**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia khususnya di luar bandar bagi memaksimumkan penggunaan kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan kereta api ataupun komuter berbanding menggunakan kenderaan sendiri.
39. PR-1421-L02899  
**Tan Sri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tujuan dan peranan penubuhan *Special Purpose Vehicle (SPV)* yang ditubuhkan untuk menguruskan aset Tabung Haji.
40. PR-1421-L02984  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha Kerajaan berkenaan harga barang masih tidak dikawal sehingga mengakibatkan rungutan orang ramai terutamanya golongan B40 yang menghadapi kesusahan. Bagi golongan yang berpendapatan tinggi mungkin tiada masalah untuk menampung perbelanjaan seharian mereka tetapi bagi golongan yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang akan mengalami masalah mencari rezeki dan juga terbeban dengan keadaan ekonomi semasa yang dikatakan masih tidak stabil dan menyukarkan urusan mereka seharian. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini. Pihak Kementerian perlu prihatin terhadap perkara tersebut.
41. PR-1421-L03852  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini hasil Suruhanjaya Siasatan DiRaja mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah.
42. PR-1421-L02882  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan proses peralihan kuasa Perdana Menteri Ketujuh sekarang kepada Perdana Menteri Kelapan seperti dalam Perjanjian Manifesto Pilihan Raya PRU-14 Pakatan Harapan dapat berjalan segera dengan lancar dan tertib.

43. PR-1421-L03103  
**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [ Tenggara ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam menyediakan pusat asuhan kanak-kanak berdaftar/lesen terutama penyediaan pengasuh yang berkelulusan serta terlatih kepada kanak-kanak keperluan khas (OKU) dan adakah kerangka laluan latihan/pendidikan kanak-kanak keperluan khas ini akan diberikan perhatian.
44. PR-1421-L03845  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kerajaan sedia untuk memberi komitmen kewangan kepada sektor pertahanan dan keselamatan dengan menetapkan nisbah perbelanjaan pertahanan kepada KDNK, supaya perancangan pertahanan negara dapat dijalankan dengan lebih lancar dan berpandangan jauh, memandangkan perbelanjaan dalam sektor ini amat sedikit kalau dibandingkan dengan negara jiran kita.
45. PR-1421-L03871  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha berkesan membantu 7,805 Ketua Isi Rumah miskin tegar di Kelantan yang masih berpendapatan perkapita RM140 ke bawah. Apakah petunjuk jumlah miskin tegar di Kelantan berjaya dikurangkan dengan drastik.
46. PR-1421-L03661  
**Tuan Wong Tack [ Bentong ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada sebuah Pusat Penyelidikan dan Latihan Pertanian boleh ditubuhkan di Bentong untuk meningkatkan penglibatan serta kemahiran anak-anak muda terutamanya dari daerah ini memandangkan Bentong merupakan sebuah daerah yang giat dalam bidang pertanian.
47. PR-1421-L03890  
**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membenarkan penambahan kuota haji kepada anggota dan veteran ATM serta kepada warga awam MinDef daripada 100 kepada 200 jemaah melalui kuota khas ibadah haji sebagaimana yang telah dirancang di bawah IKRAR Kementerian Pertahanan sebelum ini.

48. PR-1421-L03066  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bertanggungjawab akan meneruskan projek membina 1480 unit PPR di Kg. Gusi, Kinarut demi untuk memudahkan rakyat memiliki rumah mampu milik.
49. PR-1421-L03728  
**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal penyebaran berita tidak benar serta apakah rasional menggubal satu undang-undang baharu bagi menangani penyalahgunaan media sosial seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia setelah Kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2017.
50. PR-1421-L03046  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan menjelaskan secara terperinci hala tuju dan dasar sukan berprestasi tinggi untuk negara mencapai pingat emas pertama Olimpik.
51. PR-1421-L03137  
**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) apakah pelan pelaksanaan Kementerian dalam mengenal pasti lokasi penambahan kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES); dan
  - (b) berapakah jumlah kos penambahan kamera AES yang sebenar.
52. PR-1421-L03389  
**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan yang harus dipatuhi oleh rakyat yang mahu mencari pekerjaan di luar negara, untuk mengelak berulang kes 47 warga Malaysia ditahan di Penjara Provinsi Banteay Meanchey Kemboja, akibat ditipu sindiket pekerjaan antarabangsa.
53. PR-1421-L03188  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelevu ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah hutang terkini peneroka kepada FELDA, dan setakat ini berapakah jumlah hutang yang telah dibantu oleh Kerajaan untuk diselesaikan.

54. PR-1421-L04150  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menunaikan janji pilihan raya untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 yang zalim dan menghentikan segala penyiasatan jenayah di bawah Akta tersebut.
55. PR-1421-L03294  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan dengan lengkap, tepat dan telus tentang kedudukan mengikut kaum (bilangan dan peratus) pada tahun 2009 dan 2018 mengenai pemilikan aset kewangan seperti saham, bon dan sukuk, pemilikan aset bukan kewangan seperti hotel, kilang, rumah kediaman, kompleks perniagaan dan tanah komersial, dan golongan profesional seperti akauntan, arkitek, doktor, jurutera dan peguam.
56. PR-1421-L04191  
**Tuan Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah bayaran 40% hasil yang diperolehi oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Sabah akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan Negara.
57. PR-1421-L03524  
**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [ Petrajaya ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan berapa ramai isi rumah yang telah menerima rebat elektrik RM40 dan berapakah yang layak tetapi belum menerima rebat tersebut. Apakah usaha pihak Kementerian bagi memastikan mereka yang layak dapat menerima rebat tersebut.
58. PR-1421-L02927  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian tentang isu lemak trans. Apakah rancangan Kementerian untuk mengawal kesan buruk lemak trans ke atas kesihatan rakyat Malaysia.
59. PR-1421-L03692  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah mengatasi salah faham negara-negara Eropah kepada tahap kemampanan (*sustainable*) industri sawit terhadap alam sekitar.

60. PR-1421-L02971  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada JKR Manjung untuk tahun 2015, 2016, 2017, 2018 dan 2019. Kenapa JKR Manjung sentiasa menyatakan wang untuk kerja-kerja penyelenggaraan yang asas pun tidak mencukupi.
61. PR-1421-L(5)00036  
**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah laporan prestasi kewangan syarikat penerbangan negara Malaysia Airlines Berhad (MAS) merangkumi laporan perincian jumlah hutang syarikat MAS kepada pihak Kerajaan dan butiran jumlah hutang syarikat yang lain kepada syarikat MAS.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

62. PR-1421-L03500  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah judi atas talian yang begitu meluas pada hari ini.
63. PR-1421-L03632  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Labu seluas 20 ekar itu akan dinaik taraf menjadi tanah perkuburan yang berstatus "Kubur Dalam Taman" seperti yang pernah dicadangkan sebelum ini.
64. PR-1421-L03316  
**Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dan memberi penjelasan berkenaan dengan bantuan tilam untuk pelajar yang tinggal di asrama dan baik pulih kerosakan rumah Sekolah Kebangsaan Nanga Kesit semasa lawatan bencana banjir pada Oktober 2018.
65. PR-1421-L03657  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelaksanaan dasar pendidikan inklusif di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Adakah pemantauan dibuat secara menyeluruh supaya setiap peringkat yang terlibat telah mengambil inisiatif-inisiatif yang sewajarnya untuk memastikan matlamat pendidikan inklusif tercapai.

66. PR-1421-L03370

**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program dan projek yang sedia ada bagi mempromosi dan membangunkan budaya sukan di negara kita dan langkah penambahbaikan bagi mengembangkan industri sukan negara.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019 (D.R. 1/2019) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2018 seperti berikut :-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima belas bilion empat ratus lapan puluh lima juta tiga ratus lapan puluh empat ribu dan satu ratus empat puluh dua ringgit (RM15,485,384,142) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2019 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (3 April, 2019 )**

- |    |                |   |                               |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 2. | ( D.R 2/2019 ) | Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2019<br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>       | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 3. | ( D.R 3/2019 ) | Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2019<br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>       | "                             |
| 4. | ( D.R 4/2019 ) | Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2019<br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>    | "                             |
| 5. | ( D.R 5/2019 ) | Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2019<br><b>[ Menteri Kewangan ]</b> | "                             |
| 6. | ( D.R 6/2019 ) | Rang Undang-undang Perkhidmatan (Pindaan) 2019<br><b>[ Menteri Kewangan ]</b> | "                             |

7. ( D.R 33/2018 ) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

8. ( D.R 35/2018 ) Rang Undang-Undang Undang-Undang Sivil (Pindaan) 2018 "

**[ Perdana Menteri ]**

9. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini binti Ahmad, Ahli Parlimen Parit Sulong dipilih menggantikan Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Ahli Parlimen Beluran sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Keempat Belas."

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM13,305 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan ST.68 bagi tahun 2019 disahkan. "

12. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan ST.47, ST.48, ST.49, ST.50, ST.51, ST.52, ST.53, ST.54, ST.55, ST.56, ST.57, ST.58, ST.60 dan ST.72 bagi tahun 2019 disahkan."

13. PR-1421-U(27)029

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan dengan Singapura berhubung kait isu persempadanan dan kedaulatan ruang udara kedua-dua negara yang timbul sejak kebelakangan ini. Senario diplomatik Malaysia dan Singapura telah banyak berubah apabila isu-isu persempadanan ruang udara timbul secara spesifiknya melibatkan pemakaian Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar dan kewujudan Kawasan Larangan Kekal (PRA) untuk aktiviti ketenteraan di ruang udara Pasir Gudang. Kerajaan perlu melihat situasi ini secara serius apabila Singapura membantah kewujudan PRA di ruang udara Pasir Gudang kerana pada anggapan mereka ia akan mengekang aktiviti penerbangan awam walaupun begitu jelas PRA itu hanya ditujukan kepada aktiviti ketenteraan sahaja. Cabaran juga timbul dan perlu diselesaikan oleh Kerajaan apabila Malaysia membuat bantahan terhadap penggunaan ILS yang memerlukan pesawat mengguna ruang udara Pasir Gudang yang akan mengundang kekangan pembangunan fizikal bandar itu terutamanya membabit isu had ketinggian bangunan dalam laluan ILS. Rundingan antara kedua negara ini amat penting dalam mempertahankan kedaulatan persempadanan negara dan seharusnya Malaysia bertegas dan berhati-hati supaya akhirnya kedua-dua negara mendapat penyelesaian yang terbaik dalam hal ini."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

14. PR-1421-U(27)030

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menjelaskan kegelisahan anak muda mengenai perancangan dan dasar yang menyeluruh melibatkan pembangunan golongan belia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan Kerajaan terdahulu melalui Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan. Anak muda kini dibelenggu kerisauan berkenaan dasar pembangunan belia dan dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan. "

**[ Menteri Belia Dan Sukan ]**

15. PR-1421-U(27)031

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan halatuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan disamping mendapatkan input daripada rakyat berkenaan apakah rancangan Kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa panjang. Kegusaran rakyat kini adalah apa yang akan berlaku pada 30 tahun akan datang. Rakyat gusar mengenai cabaran taraf hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan akan terbantut. "

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1421-U(27)032

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan perincian laporan penggunaan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET). Fungsi dan peranan penubuhan jawatankuasa ini semenjak diperkenalkan pada 21 Jun 2018 dilihat belum memberikan gambaran jelas berkenaan pelan perkembangan dan strategi pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda pemegang taruh meliputi pelajar, komuniti, industri dan penyedia TVET awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam bidang kemahiran. Kerajaan secara serius perlu memberikan perhatian terhadap perkara ini kerana ia melibatkan pendidikan dan masa hadapan anak muda yang inginkan jaminan Kerajaan memastikan mereka berjaya dalam bidang kemahiran. "

**[ Menteri Pendidikan ]**

17. PR-1421-U(27)033

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap kebimbangan keadaan tidak selamat melibatkan banduan dalam penjara di seluruh negara merangkumi isu kepadatan sel, masalah kemudahan dalam penjara, tahap kawalan kesihatan dan keselamatan penjara serta penyebaran wabak penyakit. Kebanjiran jumlah banduan di dalam sesetengah penjara di negara ini menyebabkan keadaan yang tidak kondusif berlaku seterusnya mengakibatkan risiko penyebaran wabak penyakit yang lebih tinggi seperti penyakit TB dan kencing tikus. Sebuah kajian menyeluruh dan komprehensif harus dibentang dan dibincangkan segera bagi mendapatkan penyelesaian memandangkan situasi ini akan memberikan kesan terhadap persekitaran sekeliling dan ia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

18. PR-1421-U(27)034

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan Negara dengan memperkasa identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang dilihat semakin lesu dan tidak aktif. Kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah perancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat Rukun Negara dalam diri setiap warganegara disamping membentangkan laporan kewangan dan prestasi JPNIN bagi suku ketiga dan keempat tahun 2018. Kerisauan yang timbul adalah Kerajaan baharu ini dilihat tidak memperkasa fungsi dan peranan JPNIN yang mempunyai struktur jawatankuasa yang efisien dan tersusun malah Kerajaan dilihat hilang fokus terhadap strategi menyediakan perancangan khusus bagi perpaduan dan integrasi nasional secara keseluruhan."

**[ Perdana Menteri ]**

19. PR-1421-U(27)035

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar Kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Kerajaan perlu menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti Syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara. Kerajaan juga harus menetapkan kewajipan buat seluruh institusi pentadbiran dan agensi Kerajaan seluruh negara menggunakan kenderaan berjenama tempatan sebagai kenderaan rasmi supaya ia dapat dilihat sebagai usaha menyokong semangat kenegaraan dan membantu merencanakan perkembangan produk kereta nasional."

**[ Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri ]**

20. PR-1421-U(27)039

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu **Jawatankuasa Pemilih Khas** ditubuhkan dan satu **referendum rakyat** diadakan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati.

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat. "

**[ Perdana Menteri ]**

21. PR-1421-U(27)040

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Agar projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) tidak dibatalkan memandangkan ia sudah siap 20% dan Kerajaan perlu membayar pampasan yang tinggi kerana melanggar kontrak perjanjian. Tambahan pula, landasan yang akan memendekkan jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ini berupaya memberi manfaat ekonomi kepada negara dengan melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product* (GDP) di tiga negeri pantai timur sebanyak 1.5%. Ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur, rangkaian hubungan yang penting di antara timur dan barat serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar-luar bandar. Maka Dewan Rakyat menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat meneruskan projek ECRL ini."

**[ Perdana Menteri ]**

22. PR-1421-U(27)041

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) dengan mengeluarkan unsur-unsur berkaitan kepentingan negara yang sensitif daripada Laporan CEP serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan oleh CEP. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan dewan ini pada 15 Oktober 2018 bahawa CEP telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018 dan pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Memandangkan enam bulan telah berlalu untuk Kerajaan untuk meneliti Laporan CEP, maka atas prinsip ketelusan dan akauntabiliti, tibalah masa bagi Kerajaan untuk mendedahkan Laporan CEP supaya rakyat Malaysia dapat memberikan input serta sama-sama menentukan hala tuju negara."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1421-U(27)042

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee-IRC*) serta laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan pembaharuan oleh IRC. Memandangkan wujudnya dakwaan oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan melalui afidavit yang boleh menjejaskan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman baru-baru ini, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang substantif dalam pentadbiran institusi-institusi seperti badan kehakiman dalam negara. "

**[ Perdana Menteri ]**

24. PR-1421-U(27)043

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga.

Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn Bhd dan Sime Darby seperti yang diwar-warkan, ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang dicarum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

25. PR-1421-U(27)044

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM.

Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun 2013. Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan. "

**[ Menteri Pendidikan ]**

26. PR-1421-U(27)045

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.

Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.

Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk cina. "

**[ Menteri Pendidikan ]**

27. PR-1421-U(27)046

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1.5 juta bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara.

Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan

demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

**[ Perdana Menteri ]**

28. PR-1421-U(27)027

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

**[ Perdana Menteri ]**

29. PR-1421-U(27)028

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urustadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

30. PR-1421-U(27)036

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** akan mencadangkan :-

"Banyak kuarters-kuarters guru yang dibina di seluruh negara dengan bagitu cantik dengan harga beratus juta ringgit ditinggalkan kosong tidak didiami. Kuarters ini telah banyak yang rosak dan tidak terjaga. Kawasan dipenuhi semak samun dan tidak terurus. Banyak yang menjadi tempat penagih dadah beroperasi dan kawasan ini menjadi bukti bagaimana Kerajaan tidak prihatin terhadap alam sekitar dan pembaziran wang rakyat yang amat luar biasa. Dicadangkan semua kuarters ini dijual kepada mana-mana pihak dengan harga yang berpatutan supaya beban tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan dan pulangan dari jualan ini boleh digunakan bagi mereka yang memerlukan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

31. PR-1421-U(27)037

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** akan mencadangkan :-

"Dadah telah mula masuk ke sekolah-sekolah. Walau pun jumlahnya masih kecil tetapi tindakan segera mesti diambil. Bagi mengelak dari pelajar terlibat sekolah disarankan memperbanyakkan kegiatan pasukan beruniform seperti kadet tentera, kadet polis, kedet bomba, pengakap dan lain-lain pasukan beruniform dan perbanyakkan aktiviti luar sekolah. Kegiatan ini semua akan membina perasaan kekitaan dan saling tegur menegur. Jabatan kaunseling di sekolah juga mesti diperkemaskan agar pelajar yang menghadapi masalah cepat dikenal pasti dan diambil tindakan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

32. PR-1421-U(27)038

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** akan mencadangkan :-

"Kemalangan jalan raya makin meningkat di negara ini. Di antara punca kemalangan ialah pengguna yang cuai dan penguatkuasaan oleh agensi yang lemah. Sebagai contoh kemalangan melanggar kenderaan yang diberhenti di bahu jalan, atau kenderaan yang rosak ditinggalkan tanpa dipaparkan notis kereta/kenderaan rosak. Kerajaan hendaklah menggunakan semua ruang seperti TV dan radio bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna jalan raya jika kenderaan mereka rosak, notis secukupnya mesti dipamerkan agar pengguna yang lain sedar dan tahu masalah wujud di hadapan mereka dan mereka akan bersedia untuk elakkan dari melanggar kenderaan yang rosak ini."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

**\*\*UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 04.04.2019 (Khamis)	1. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Menaiktarafkan Pengkalan Nelayan Di Telok Mas, Melaka	1. YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani
2. 04.04.2019 (Khamis)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Keperluan Pembaikan Mendesak Di Klinik Kesihatan Luyang, Menggatal Dan Inanam	2. YB Menteri Kesihatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**